

[Home](#) / [2025](#) / [December](#) /

UiTM Pahang Perkukuh Pendidikan Biodiversiti Melalui Program Sains Masyarakat

SDG

04/12/2025 / NURFARAWAHIDAH BADRUESHAM



JENGA, PAHANG, 1 Disember 2025 – UiTM Cawangan Pahang melalui Perpustakaan Al-Bukhari telah menganjurkan dua program berimpak tinggi berteraskan Sains Masyarakat, iaitu **Asia Nature Challenge (ANC) Pahang** dan **Nature Detective: Future Scientist in Action**, bagi memperkukuh pendidikan biodiversiti serta meningkatkan kesedaran kelestarian dalam kalangan pelajar dan komuniti setempat.

Program ANC **Pahang** yang berlangsung dari 3 hingga 14 Oktober 2025 berjaya menarik penyertaan seramai 141 peserta dan merekodkan sebanyak 1,434 pemerhatian melibatkan 460 spesies melalui aplikasi iNaturalist di Hutan Pembelajaran UiTM Pahang dan Taman Tasik Raub. Inisiatif ini menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 15 (Kehidupan di Darat) dan SDG 17 (Kerjasama untuk Matlamat) melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman serta kolaborasi pelbagai pihak.



Sementara itu, program **Nature Detective** yang berlangsung pada 6 hingga 8 Oktober 2025 menghimpunkan 320 pelajar dan guru sekolah menengah dari empat daerah. Peserta bertindak sebagai “Saintis Masyarakat Muda” melalui aktiviti pemerhatian lapangan, pengecaman spesies pokok dan dokumentasi biodiversiti. Pendekatan ini menggalakkan pembelajaran aktif serta pemahaman awal

tentang pemeliharaan alam sekitar, selaras dengan SDG 4 dan SDG 15.

Penganjuran kedua-dua program ini diperkasakan melalui kerjasama pensyarah Fakulti Sains Gunaan serta sokongan rakan strategik seperti PPAP, PTAR UiTM Raub, Universiti Malaya Wales, UM Sustainability and Development Centre, UMK, American Corner Kelantan dan Kelab Biodiversiti ORBID. Usaha bersama ini menonjolkan komitmen Perpustakaan UiTM Pahang dalam memperkasa literasi biodiversiti, memacu kelestarian dan memperluas penglibatan komuniti melalui Sains Masyarakat, seiring aspirasi universiti dan agenda global SDG.

Penulis: **Nur Hazwani Binti Izam**

Penyunting: **Nurfarawahidah Binti Badruesham**



Tags: [Perpustakaan Al-Bukhari](#), [Taman Tasik Raub](#), [UiTM Cawangan Pahang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

UiTM Honours Distinguished Alumni
During 103 Convocation

Ziarah Kasih Madani @ Sabah:
Memperkasa Komuniti Melalui Ilmu,
Seni dan Keusahawanan

QUICK
LINKS

Ministry of Higher Education
Academic Calendar
Intake Calendar
Graduate Quick Search
Library
UiTM Holdings
WiFi UiTM

HUBUNGI
KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000



E-Complaint

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress